



## جابتن آكام إسلام قهع

### **GARIS PANDUAN MAJLIS AKAD NIKAH DI RUMAH ATAU PREMIS PERSENDIRIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

---

#### **1. TUJUAN :**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi melaksanakan majlis akad nikah di rumah atau premis-premis persendirian.

#### **2. OBJEKTIF :**

Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan setiap pelaksanaan majlis akad nikah yang ingin dilaksanakan di rumah / premis persendirian agar dapat mematuhi segala ketetapan yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Pahang.

#### **3. PENGAWALAN MAJLIS SECARA UMUM**

- i. Memastikan rumah / premis tersebut telah dilaksanakan aktiviti nyahkuman.
- ii. Semua yang hadir pada majlis akad nikah berkenaan hendaklah didaftarkan nama, alamat semasa serta nombor telefon bagi tujuan rekod.
- iii. Memastikan semua yang hadir adalah sihat dan tiada simptom penyakit seperti demam ,batuk, masalah pernafasan dan lain-lain.

- iv. Memastikan yang hadir memakai pelitup mulut, telah disaring suhu dan disemburkan hand sanitizer
- v. Mengelakkan antara individu berlakunya sentuhan dan memenuhi penjarakan sosial iaitu sekurang-kurangnya satu meter.
- vi. Meminimalkan perkumpulan orang ramai.

#### **4. GARIS PANDUAN MAJLIS AKAD NIKAH DI RUMAH / PREMIS PERSENDIRIAN**

Akad nikah boleh dilaksanakan di rumah / premis persendirian dengan mematuhi tatacara sepertimana berikut :

- i. Mematuhi dan tertakluk kepada garis panduan wajib yang ditetapkan oleh pihak JAIP atau pihak kerajaan.
- ii. Tuan rumah / pemilik premis bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengikuti garis panduan yang ditetapkan berkaitan tempat pelaksanaan majlis manakala wali hakim / jurunikah dipertanggungjawabkan pula bagi pematuhan garis panduan dari sudut majlis akad nikah yang dilaksanakan.
- iii. Semua yang hadir perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- iv. Kehadiran dalam majlis akad nikah tidak melebihi 50 orang atau bergantung kepada ruang yang digunakan.
- v. Jamuan hanya dibenarkan dalam bentuk bungkusan sahaja (*pack food*).
- vi. Wali hakim / jurunikah hendaklah melaksanakan majlis akad nikah dalam tempoh masa tidak melebihi 30 minit sahaja.

- vii. Jika terdapat mana-mana pihak yang tidak mematuhi garis panduan ini, pemilik premis atau wali hakim / jurunikah boleh menangguhkan pelaksanaan majlis akad nikah tersebut.

## **5. PENUTUP**

Semoga garis panduan ini dipatuhi dan dapat membantu semua pihak yang terlibat untuk melaksanakan majlis akad nikah selari dengan saranan yang telah dikeluarkan. Segala kepatuhan terhadap garis panduan yang telah ditetapkan akan dipertanggungjawabkan kepada tuan rumah / pemilik premis serta wali hakim / jurunikah yang terlibat.

| Bil. | Tanggungjawab               | Tindakan   | Dokumen  |
|------|-----------------------------|--|--|
| 1.   | Pemohon                     | Pemohon menguruskan permohonan kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Islam Daerah   | Borang Akad Nikah  |
|      |                             | Membuat temu janji dengan wali hakim / jurunikah   |  |
|      |                             | Pemohon boleh menyediakan jamuan dalam bentuk bungkusan ( <i>food pack</i> ).  |  |
|      |                             | Pemohon memastikan semua yang hadir serta seluruh ahli rombongan memahami seterusnya dapat mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan.   |  |
| 2.   | Tuan Rumah / Pemilik Premis | Tuan Rumah / Pemilik Premis bersedia untuk mematuhi garis panduan pelaksanaan majlis akad nikah sepertimana yang telah ditetapkan apabila bersedia melaksanakan majlis akad nikah di rumah atau di mana-mana premis yang ditentukan. | Merekod nama, no. telefon, alamat serta catatan suhu semua yang hadir. |
|      |                             | Tuan rumah / pemilik premis perlu menyediakan keperluan yang diperlukan bagi tujuan pematuhan garis panduan pelaksanaan majlis akad nikah seperti :-   |  |

|    |                        |   |             |
|----|------------------------|---|-------------|
|    |                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menetapkan ruang bagi pelaksanaan majlis akad.</li> <li>ii. Merekod dan mengambil catatan suhu badan bagi setiap individu yang hadir .</li> <li>iii. Penyediaan <i>handsanitizer</i> (penyahkuman)</li> <li>iv. Pemakaian pelitup muka (<i>facemask</i>).</li> <li>v. Memastikan penjarakan sosial dilaksanakan.</li> <li>vi. Menyusun atur kedudukan majlis akad.</li> </ul> |             |
|    |                        | Tuan rumah / pemilik premis menyediakan ruang untuk jamuan makan sekiranya jamuan disediakan.   |             |
|    |                        | Melakukan sanitasi / disinfeksi pada setiap ruang yang digunakan sebelum dan selepas majlis.  |             |
| 3. | Wali Hakim / Jurunikah | Melaksanakan majlis akad tidak melebihi 30 minit.   | Borang Akad |
|    |                        | Menangguhkan pelaksanaan majlis akad nikah sekiranya ada pihak-pihak yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.   |             |